



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خِوَالِ اَلْاِئِمَّةِ اَلْاِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

11 ZULHIJAH 1444H/ 30 JUN 2023M

KORBAN DEMI CINTA

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Ihsan daripada

Jabatan Agama Islam Pulau Pinang

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- ▶ Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- ▶ Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- ▶ Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- ▶ Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 27/06/23

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HAJI
Unit Baitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Monon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 28/06/2023

DIBACA PADA : 20/06/2023

DILULUSKAN OLEH :

BAHARUDIN MU. ALWI
Ketua Penukung Tenggara
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA
“BERKORBAN DEMI CINTA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا

لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ فَاجْعَلْ أَفْئِدَةً مِنَ النَّاسِ تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَارْزُقْهُمْ مِّنَ الثَّمَرَاتِ

لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ ۝ ٣٧ (سورة البراهيم (14): 37)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ

الأنبياء والمرسلين، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى

يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Melalui Mimbar Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kaum muslimin sekalian, marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah dan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, agar kita beroleh kejayaan dan kesejahteraan di dunia dan akhirat. Ketahuilah bahawa kehidupan di dunia ini hanya sementara sedangkan negeri akhirat jualah yang kekal abadi.

Maka mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah Jumaat yang bertajuk “***BERKORBAN DEMI CINTA***”.

SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI ALLAH,

Tertegaknya agama di atas dasar cinta, perlu disusuli pengorbanan yang sangat tinggi serta maharnya pula keringat darah dan tangisan. Lambang pengorbanan demi cinta ini dapat difahami daripada kisah Nabi Adam mengorbankan rindu dan cinta Baginda terhadap keindahan dan kenikmatan syurga Allah. Cinta Adam dan Hawa tercipta di syurga namun terpisah sementara dan akhirnya kembali bertaut semula di dunia.

Demi cinta, Nabi Allah Ibrahim sanggup berpisah dengan anak dan isteri tercinta yang ditinggalkan di bumi Makkah yang tandus dan gersang kerana mematuhi perintah Allah, sebagai bukti kecintaan kepada pencipta melebihi segalanya. Atas perintah Allah SWT, Nabi Ibrahim membuktikan keikhlasan dan kecintaan yang tidak berbelah bahagi pada Tuhannya

biarpun ia melibatkan nyawa ahli keluarga yang tercinta. Layaklah Baginda mendapat gelaran Khalilullah (sang kekasih Allah).

Setelah jauh berkelana ribuan kilometer jaraknya, meredah panas gurun sahara namun siapa sangka berkat kesabaran, kecekalan dan pengorbanan luar biasa Baginda, Allah SWT menghadiahkan anugerah tertinggi buat seluruh umat iaitulah tapak terbinanya Kaabah dan Mekah yang kita kenali hari ini. Allah SWT berfirman dalam surah Ibrahim ayat 37:

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمِ رَبَّنَا
لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ فَاجْعَلْ أَفْئِدَةً مِّنَ النَّاسِ تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَأَرْزُقْهُمْ مِّنَ الثَّمَرَاتِ
لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami, sesungguhnya aku telah memanfaatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman di sisi Baitullah-Mu yang mulia, ya Tuhan (yang demikian itu) agar mereka melaksanakan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan berilah mereka rezeki dari buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur."

(QS. Ibrahim (14): 37)

Isterinya pula redha dalam cinta untuk membesarkan anak sebatang kara. Berbekalkan keyakinan yang tinggi kepada Allah, siapa sangka rencana Allah SWT mengatasi segala-galanya. Air Zamzam menjadi saksi bukti

pengorbanan ulung Hajar dan anaknya. Apabila bertembung antara kepentingan duniawi dan tuntutan ukhrawi, bulatkan tekad untuk meletakkan kepentingan agama dan syariat melebihi keinginan dunia yang sementara. Berbekalkan iktikad yang kukuh dan iman yang ampuh, kita akan berjaya melepaskan dunia dari ikatan hati kerana pengorbanan itu adalah membebaskan apa yang kita sayang. Allah sesekali tidak akan mensia-siakan pengorbanan dan usaha hambanya dalam memartabatkan agamanya.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Kisah pengorbanan cinta kelas tertinggi ini tidak hanya terhenti di situ. Dari bumi penuh sejarah itulah, lahirnya seorang Nabi terulung, Rasulullah . Baginda Nabi Muhammad SAW terus mewarisi kecekalan dan keluarbiasaan Nabi Ibrahim yang setia berkorban demi umat biarpun jasad pernah terluka dan tercedera. Demi cinta juga, Baginda meninggalkan bumi Mekah setelah 13 tahun lamanya meneruskan misi dakwah tanpa kenal erti penat.

Berat mata memandang, berat lagi rindu yang bertandang. Baginda menghimpun seluruh kekuatan mental dan spiritual untuk melepaskan seketika tanah tumpah darahnya biarpun jejak langkah hijrah Baginda SAW ke Madinah bersaksikan air mata dan keringat. Hanya Allah SWT sahaja yang tahu apa yang dirasakan oleh Baginda saat melangkah pergi meninggalkan tanah kelahiran Baginda.

Siapa sangka hasil pengorbanan Baginda, Allah SWT menganugerahkan Madinah Al-Munawwarah, kota cahaya penuh cinta yang sentiasa

memukau jiwa sesiapa pun jua yang bertamu di Madinah. Madinah adalah anugerah dari munajat keimanan dan pengorbanan suci Baginda. Tanpa cinta, keimanan hanya sekadar nama tanpa kemanisan. Sedangkan salah satu daripada tanda-tanda kemanisan iman ialah sepertimana sabda Rasulullah SAW yang **bermaksud** :

“Apabila Allah dan Rasul-Nya lebih kamu cintai daripada selain kedua-Nya.”

(Hadis Riwayat Al Bukhari)

Bertitik tolak dari pengorbanan para anbiyak, Islam selamat sampai ke dalam genggaman kita. Para ulamak dan pendakwah terus menyebarkan Islam ke segenap pelusuk dunia dari generasi ke generasi. Biarpun mereka pernah dipijak dan dihenyak namun Islam tetap diperjuangkan. Betapa dalamnya cinta mereka hingga sanggup menggadai nyawa demi kelangsungan agama.

Tidur mereka tak pernah nyenyak. Makan tak pernah kenyang. Pakaian hanya sekadar sahaja. Rehat mereka tak pernah cukup. Itulah nilai sebuah pengorbanan. Justeru, di manakah nilai pengorbanan kita untuk agama? Pernahkan kita berdarah dan terluka kerana memartabatkan agama? Tepuk dada, biar iman berbicara.

SIDANG MUKMIN RAHIMAKUMULLAH,

Jika manusia itu menyayangi sesuatu atau seseorang, dia akan berikan perhatian, namun apabila Allah mencintai, maka dia akan memberikan ujian. Qudwah yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu adalah untuk diteladani dan dicontohi.

Ujian mereka bukannya satu, namun muncul bertalu-talu. Agama ini bukan percuma, mahalnya ialah pengorbanan dan kecintaan. Para sahabat *ajma'in* Radiallahu Anhuma begitu komited menjadi barisan hadapan Nabi lantas membentuk barisan pelindung di saat musuh datang menyerang dari segenap penjuru. Tekad dalam hati mereka hanya satu, selagi hayat dikandung badan tidak akan kami biarkan jasad Nabi terhiris dan terguris walau sedikit. Mereka mengeluarkan dan memanfaatkan segala apa yang ada hanya untuk mempertahankan agama, bukan hanya sibuk merebut takhta dan menghitung aset harta.

Cinta itu harus dizahirkan melalui perbuatan bukan hanya perkataan. Dengan cinta, jalan yang sempit nampak seakan luas. Tanpa cinta, hidup terasa sempit. Orang yang di dalam hatinya ada cinta, yang jauh terasa dekat, yang lama terasa cepat dan yang berat terasa ringan. Begitulah tarbiah Allah SWT buat para anbiya' dan solihin.

Rasulullah pernah bersabda dengan **maksud**:

“Seseorang akan menjadi hamba kepada apa-apa yang dicintainya.”

(Hadis Riwayat Al Bukhari)

Justeru, manusia yang dihinggap oleh penyakit hubbudunia (حُبُّ الدُّنْيَا)

(iaitu cintakan dunia akan merasa berat untuk berkorban pada jalan agama. Sebaliknya, ia sanggup menghambakan diri hingga terkorban solatnya malah ada yang tergadai maruah agamanya.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Kisah-kisah pengorbanan yang telah disampaikan ini bukanlah hanya sekadar untuk diperdengarkan namun perlu diterjemahkan di dalam kehidupan seharian selaku hamba Allah. Antara insan yang paling banyak berkorban dalam hidup ialah ayah. Sebatang jasad yang seringkali bermandi peluh demi sesuap nasi buat anak-anak dan ahli keluarganya. Ayah umpama wira yang tak didendang. Kita tidak akan pernah melihat dan merasai basahnya air mata ayah kerana ayah akan menyembunyikan lelahnya di atas sejadah di malam hari saat engkau telah pun berangkat ke alam mimpi. Justeru, yang masih mempunyai ayah, pandanglah wajah ayah sebagai seorang perwira dengan penuh cinta.

MUKMININ RAHIMAKUMULLAH,

Khatib hari ini ingin menyimpulkan serta mengajak sidang jemaah yang dimuliakan Allah untuk sama-sama kita merenung ke dalam diri seterusnya memahami nilai pengorbanan yang sewajarnya kita warisi sebagai umat Nabi Muhammad SAW:

Pertama: Susah payah generasi dahulu adalah demi kesenangan dan keselesaan kita pada hari ini. Nyenyaknya tidur kita hari ini adalah dari kesusahan mereka bersengkang mata.

Kedua: Cinta itu perlu disemai dan ditanam agar membuah hasil berguna buat agama, bangsa dan negara.

Ketiga: Di hujung setiap episod duka dan pengorbanan, pasti ada kebaikan yang menanti. Di hujung setiap usaha, pasti ada hasil yang menunggu cepat atau lambat.

Semoga kita sentiasa berada dalam suluhan wahyu dan dikurniakan kekuatan serta istiqamah di jalan-Nya untuk berkorban demi cinta.

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 20:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَكْبَرُ دَرَجَةً
عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ

Maksudnya: "Orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad di jalan Allah, dengan harta dan jiwa mereka, adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah. Mereka itulah orang-orang yang memperolehi kemenangan."

(QS at-Taubah (9):20)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disebarkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com